

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 2 OGOS 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 30

Pelaksanaan Ekonomi Madani tidak libatkan tambahan perbelanjaan

Pelaksanaan Ekonomi Madani tidak libatkan tambahan perbelanjaan

KUALA LUMPUR

- Pelaksanaan Ekonomi Madani tidak akan melibatkan sebarang penambahan perbelanjaan tahun ini, dan masih berdasarkan perbelanjaan kerajaan seperti yang ditetapkan dalam

Belanjawan 2023, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Beliau berkata, kerajaan akan berbelanja mengikut peruntukan yang diluluskan oleh Parlimen serta berdasarkan perbelanjaan yang ditetapkan dalam belanjawan tahun ini.

“Kita perlu berbelanja mengikut (peruntukan) yang diluluskan oleh Parlimen, kita tidak boleh pandai-pandai berbelanja, ada beberapa cara (yang boleh digunakan),” katanya kepada pemberita pada Persidangan Percutian Kebangsaan 2023 di sini, pada Selasa.

Beliau berkata contohnya, kerajaan boleh menyusun semula keutamaan dari segi



RAFIZI

belanjawan yang telah diluluskan untuk projek atau kementerian tertentu.

“Kita boleh subwaran untuk diberikan lanjutan, kita boleh beri keutamaan serta alih dan susun balik. Jadi, kerajaan boleh berbelanja lebih dalam bidang

yang dirasakan cu-

kup penting untuk merealisasi-

kan Ekonomi Madani tanpa

kita melepassi had belanjawan

yang ditetapkan,” katanya.

Selain itu, Rafizi berkata,

kerajaan optimistik bahawa

sasaran pengurangan defisit

fiskal negara kepada lima pe-

ratus mampu dicapai.

Kerajaan menyasarkan

defisit fiskal 2023 dikurangkan

kepada 5.0 peratus ber-

banding dengan 5.6 peratus

tahun lepas di samping ber-

tekad untuk mencapai tahap

defisit fiskal yang mampan

dalam jangka masa sederhana

dengan sasaran 3.2 peratus

daripada Keluaran Dalam

Negara Kasar (KDNK) men-

jelang 2025. - Bernama